



DR AZHAR IBRAHIM

Giat angkat busana, kraf dan pantun Melayu, selain perjuangankan hak wanita

“Biarlah alam fikiran wanita Berseri dengan ilmu pengetahuan.”

Inilah kata hikmah daripada seorang budayawan yang berjasa dalam mengumpul dan menyusun pengetahuan tentang busana dan estetika Melayu.

Puan Azah Aziz, atau nama penuhnya Sharifah Azah Syed Mohammad Alsagoff, dilahirkan pada 21 Ogos 1928 di Singapura.

Allahyarhamha merupakan isteri kepada Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz Ungku Abdul Hamid.

Dibesarkan dalam kalangan keluarga ternama Johor di Johor Bahru, Puan Azah mendapat pendidikan aliran Inggeris.

Datuknya ialah Datuk Ja'afar Muhammad, Menteri Besar Johor yang pertama, dan nendanya pula ialah Datin Rogayah.

Beliau juga ialah anak saudara kepada Datuk Onn Jaafar, pengasas Umno, dan tokoh terbilang dalam sejarah nasionalisme Melayu.

Ibunya, Azizah Ja'afar, seorang pendidik terkenal pada 1960-an, yang sering juga menyumbang dalam ruangan Dewan Wanita, *Berita Harian*.

BANGSAWAN DAN MENAWAN

Puan Azah tampil sebagai wanita bekerjaya yang menjadi *connoisseur* (pakar) untuk busana dan kraf tangan Melayu, selain minat menyusun pantun dan buku kanak-kanak.

Beliau merupakan penulis serta aktivis budaya, yang pernah disebut oleh novelis dan wartawan Malaysia, Zaharah Nawawi, sebagai ‘Kartika di Langit Seni’.

Anis Sabirin, penulis asal Johor, yang pernah akrab dengan Puan Azah, sangat me-

nyanjung dan menghormati beliau sebagai seorang “wanita yang cergas dan banyak pengetahuan tentang hal-hal kemasyarakatan”.

Beliau pandai menjaga perasaan orang, tetapi jujur dalam perbualannya.

Walaupun berdarah bangsawan, Puan Azah seorang yang peramah dan prihatin terhadap orang di sekelilingnya.

Wajarlah apabila sifatnya dipuji sebagai “seorang budayawan yang berjasa, mengumpul baju-baju tradisi Malaysia, bersuara lantang menegakkan bahasa Melayu dan berusaha membangkitkan kesedaran umum tentang alam sekitar”.

PENYEDAR BUDAYA

Menjadi ikon budaya sangat diperlukan di saat golongan elit atasan semakin terputus dengan rakyat di bawah.

Golongan elit yang sudah mempunyai kemewahan, tiada lagi memerlukan si tukang daripada masyarakat tempatan.

Semuanya boleh diimport dari luar, khususnya Barat.

Rakyat pula kian dipengaruhi proses pambandaran dan konsumerisme, sudah ti-

ada minat dengan barangan dan hiasan tempatan.

Perubahan ini dapat dilihat pada cara berpakaian, muzik yang didengar, tarian dan permainan serta hidangan makanan yang dipilih.

Akibatnya, segala yang bersifat ‘tradisional’ semakin ditinggalkan, malah seolah-olah tersudut daripada kehidupan moden.

Dalam konteks inilah muncul tokoh budayawan Puan Azah, yang gigih dan teliti mengatakan, merakam dan mengangkat kembali warisan budaya Melayu.

Beliau dapat membicarakan tentang seni Melayu dengan sangat elegan dan beralun.

Beliau tajam memerhati jenis corak warna, potongan, makanan dan kegunaan sesuatu pakaian atau kerja tangan lainnya.

Contohnya, apabila memperkatakan corak awan melarat yang sering terdapat dalam ukiran Melayu, beliau berkata:

“Satu-satunya nama reka corak yang paling terkenal dalam ragam hias di alam Melayu ialah awan larat, dan nama ini secara umum diberikan kepada rekaan yang bersambung-sambung, beru-

lang-ulang dan berhubung kait, yang terdapat pada ragam hias tekstil termasuk tenunan songket dan limar, hiasan telepek perada, cap atau lukisan batik, serta juga sulaman dan tekatan.

“Sering juga reka corak yang dikatakan larat atau berulang-ulang dengan tidak putus-putus dalam bentuk jalur yang tidak lebar, digunakan untuk bahagian tepi atau pinggir sesuatu ragam hias.”

Puan Azah prihatin dengan penggunaan kraf tangan tradisional, seperti tembaga kuning dan anyaman tikar dan alatan lain dalam rumah Melayu.

Beliau juga minat tentang hal masakan dan hidangan sajian Melayu dan berkongsi resipi masakan yang sihat.

BERPAKAIAN ITU BERKEPERIBADIAN

Puan Azah ialah seorang tokoh wanita yang banyak minatnya, selain bakatnya yang sama rencam.

Beliau ialah pencinta keindahan dan keseimbangan.

Tekun dalam kerjaya sebagai wartawan, beliau bersungguh dalam menyuarakan pendapatnya.

Keprihatinan beliau kepada busana Melayu, adalah se-

bahagian daripada usaha untuk mendokumentasi warisan Melayu, memperjelaskan dan menganjurkannya.

Baginya, “pakaian adalah salah satu sifat yang boleh menimbulkan peribadi dan identiti sesuatu bangsa”.

Beliau sendiri menunjukkan contoh pemakaian yang elok dan manis, iaitu berbaju kurung, dengan butang intan atau mutiara pada lehernya.

Kain sarung yang dipakai bersama baju kurung, dipanggilnya kain ‘Ombak Ber-alun’.

Malah, cara pemakaian beliau sebegini turut diikuti anak perempuannya, iaitu Ungku Zeti Akhtar Aziz, mantan Gabenor Bank Negara, Malaysia.

Minat pada busana Melayu tercermin dalam beberapa makalah yang beliau tulis, selain buku yang berjudul *Rupa dan Gaya Busana Melayu* (2006), terbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Koleksi busana Melayu beliau merangkumi baju kurung pesak Teluk Belanga, baju kurung Pahang, kebaya dan songket.

Minat beliau kepada busana Melayu, membuat beliau menjadi pengumpul barang kemas dan kain-kain tenunan



Puan Azah Aziz, atau nama penuhnya Sharifah Azah Syed Mohammad Alsagoff, dilahirkan pada 21 Ogos 1928 di Singapura dan dibesarkan dalam kalangan keluarga ternama Johor di Johor Bahru. – Foto NTSP

berbudaya, berjiwa bangsa



Buku 'Rupa dan Gaya: Busana Melayu' merupakan karya penting yang merakam kehalusan estetika, daya kreativiti dan keunikan cita rasa masyarakat Melayu dalam pakaian serta tekstil. Menerusi karya ini, penulis menelusuri semula khazanah warisan Melayu silam dengan meneliti ciri, unsur, sifat dan adat pemakaian yang membentuk identiti busana Melayu. – Foto SALIYAH SAPEON

Melayu.

Pada 1980-an, Puan Azah merakamkan penyesalan terhadap pengabaian kepada busana tradisional Melayu.

Masalahnya bukan pemilihan busana antara yang lama dengan baru, tetapi sikap semberono, atau sikap asal boleh, disebabkan daripada literasi budaya yang rendah.

Puan Azah menegur ini:

“Sikap orang Melayu yang ghairah meniru dan mudah terpengaruh, mencelaruken suasana. Pencemaran pada busana yang berupa perubahan atas potongan dan pemakaiannya, jikalau dilakukan oleh pihak yang tidak tahu menahu tentang budaya dan sejarah busana Melayu, tidak ubah daripada apa yang dikatakan, ‘tikus membaiki labu’! Kesannya tentulah membawa kerosakan yang kronik.”

PENGANYAM PANTUN

Puan Azah ialah pencinta pantun dan beliau pernah menulis beberapa buku pantun.

Antaranya ialah *Sayang: Pantun & Seloka Kanak-Kanak* (1970), buku yang mengandungi koleksi 33 pantun dengan ilustrasi dilukis Dzulkafli Buyong.

Tidak menghairankan ba-

nyak daripada penerbitan beliau sering dihiasi dengan keratan pantun yang indah dan mempesona, memperlihatkan kecenderungan Puan Azah terhadap budaya.

Beliau beranggapan bahawa budaya lama yang diwariskan daripada masyarakat terdahulu, mempunyai pesan penuh hikmah dan nilai sejahtera yang masih boleh dipakai oleh masyarakat kini, sedang mereka bergelut dengan perubahan dan kemajuan.

Sering terselit pantun dan pepatah menghiasi penulisanannya seperti:

“*Kalau tuan pergi ke bendang,*

Jangan petik buah rembia,
Tuan umpama bulan mengambang,

Cahaya meliput serata dunia.”

WARISAN DAN PEWARIS

Warisan seni budaya perlu ada warisnya.

Sepanjang kerjaya beliau, Puan Azah telah memperlihatkan peranan sebagai pewaris yang cermat dan peduli, bersemangat dan berharapan tinggi untuk memastikan seni warisan terus terjaga, diperagakan dan terus disambut.

Khazanah ini bukanlah barang pameran untuk muzi-

um semata, tetapi semangat dan ketukangan seni yang harus kita ambil, sehingga memberikan kita semangat dan inspirasi mencipta budaya.

Dalam rentak pembangunan yang deras bergerak, banyak industri pembuatan tempatan terhapus.

Dengan permintaan yang rendah, serta mengecutnya jumlah si tukang, kerja tangan tempatan dan upacara persembahan serta keramaian tradisional sudah tidak dapat dijalankan.

Untuk melawan trend semakin menurunnya penerimaan pada seni warisan lama, banyak usaha harus dilakukan.

Kesedaran awam perlu dirangkul, penulis akhbar harus terus mengatakan mengenainya, dan para ilmuwan pula berperanan menegur, membimbing serta menganjurkan wacana.

Di samping itu, pemerintah juga perlu menggubal dasar yang mesra budaya, sekolah harus mengajarkan warisan tradisi kepada generasi muda, sementara siaran televisyen dan media massa wajar mempromosikannya dengan lebih meluas.

HAK WANITA BANGSA BERMARUAH

Puan Azah juga giat dalam penulisan menyuarakan hak wanita.

Kepekaan beliau pada kondisi dan nasib wanita membuat beliau tegas bersuara.

Beliau cuba memperbetulkan anjuran yang melarang perempuan bekerja di luar rumah.

Baginya, perkara ini bukan mudah untuk diterapkan kerana keperluan ekonomi keluarga juga perlu dipikul

bersama oleh suami dan isteri.

Pendapat yang mengatakan perempuan hanya wajar keluar bekerja sekiranya pekerjaan itu “sesuai dengan sifat lemah lembut wanita,” juga dibetulkan Puan Azah.

Kalau benar-benar peduli tentang hal ehwal wanita, ia bukan dengan larangan itu dan ini, melainkan mencari usaha membaiki kondisi kerja mereka.

Kata Puan Azah: “Keadaan mereka bekerja dan gajaran yang mereka terima, dengan iringan fahaman, pimpinan dan bantuan yang saksama, agar ibu yang keluar bekerja itu dapat menunaikan kedua tugasnya, di dalam dan di luar rumahnya.... bantulah dia, bimbinglah dia, peliharalah dia dari segi rohani dan jasmani, dengan penuh kasih sayang, demi kebahagiaan seluruh keluarga.”

KERJAYA, KEPIMPINAN KEMASYARAKATAN

Puan Azah pernah bertugas sebagai setiausaha Penda Za’ba di Jabatan Pengajian Melayu (JPM), Universiti Malaya, Singapura.

Kemudian, beliau berpindah ke Kuala Lumpur menjadi wartawan dalam *Berita Harian* dan *Utusan Melayu*.

Sewaktu bertugas di JPM, beliau didedahkan dengan sastera dan budaya Melayu secara lebih intensif.

Dunia kewartawanan pula memberikan beliau pengalaman tentang hal ehwal masyarakat.

Selain aktif menulis buku bacaan untuk kanak-kanak, beliau aktif bergerak dalam kegiatan kemasyarakatan.

Beliau menjadi pengasas Persatuan Wartawan Wanita Malaysia (Pertama) dan memimpinnnya dari 1971 hingga

“Sepanjang kerjaya beliau, Puan Azah telah memperlihatkan peranan sebagai pewaris yang cermat dan peduli, bersemangat dan berharapan tinggi untuk memastikan seni warisan terus terjaga, diperagakan dan terus disambut... Beliau meninggalkan kita bukan sekadar himpunan khazanah budaya yang terus menjadi rujukan, malah, suara yang berdiri untuk mendapatkan hak dan penghormatan terhadap kaum wanita.

Penulis.

1978.

Selain ke hadapan mempromosi pantun, beliau juga disebut sebagai penulis yang pertama memperkenalkan *haiku*, yakni puisi pendek Jepun, dalam ranah sastera Melayu.

Beliau juga aktif dalam Pertubuhan Tindakan Wanita Islam Malaysia (Pertiwi), dan pernah menyandang jawatan Presiden Persatuan Penulis Nasional Malaysia (Penna).

Atas sumbangan besar beliau dalam dunia kebudayaan dan penulisan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, menganugerahkan beliau Ijazah Kehormat Doktor Kesenian dan Doktor Pendidikan pada 2008.

Tokoh yang berwibawa ini “mencintai budaya, berjiwa sosial,” adalah anak bangsa yang berjaya di era pascake-merdekaan.

Beliau berasa terpenggil untuk mengisi ruang kepimpinan pemikiran dan gerakan, demi memastikan pembangunan masyarakat dapat berlangsung dengan lancar.

Puan Azah meninggal dunia pada 9 Julai 2012.

Beliau meninggalkan kita bukan sekadar himpunan khazanah budaya yang terus menjadi rujukan, malah, suara yang berdiri untuk mendapatkan hak dan penghormatan terhadap kaum wanita.

► Penulis ialah Pensyarah Kanan di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Nasional Singapura. Beliau juga Naib Pengerusi Majlis Bahasa Melayu Singapura, selain Ketua Perwakilan Mastera, Singapura. Dr Azhar antara panel penulis yang diundang khas *Berita Minggu* (BM) untuk mengupas isu bahasa, budaya dan warisan.